

12 NOV 2001

Persidangan

KEDUDUKAN DR MAHATHIR SEMAKIN BAIK DI AMERIKA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 12 Nov (Bernama) -- Kira-kira sebulan lepas, banyak penganalisis di sini berpendapat Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mempunyai banyak peluang untuk bertemu dengan Presiden baru Amerika Syarikat, George W. Bush.

Dr Mahathir dikatakan diselubungi terlalu banyak isu. "Faktor Anwar" dan retorik anti Barat dan anti Amerika yang disuarakan oleh perdana menteri dilihat sebagai liabiliti di Washington.

Presiden baru itu, yang berjaya masuk ke White House dengan margin kecil pada pilihan raya presiden tahun lepas, setakat ini telah bertemu dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri.

Beliau dijadual bertemu dengan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra dan Presiden Filipina Gloria Arroyo-Macapagal pada November.

Sekiranya Bush telah tewas di Florida, maka orang yang menguasai White House hari ini ialah tokoh Demokrat Al Gore, yang kurang disenangi Dr Mahathir ekoran kenyataannya di Kuala Lumpur semasa sidang kemuncak pemimpin Apec dahulu. Dan hubungan antara Kuala Lumpur dan Washington mungkin terhenti.

Tetapi selepas beberapa kiraan semula yang mendebarkan, Bush akhirnya meraih kemenangan dan presiden baru itu terpaksa berkerja lebih keras untuk memenangi hati dan fikiran penyokong Gore yang merasa tertipu.

Tetapi serangan penganas 11 Sept ke atas New York dan Washington (lebih dikenali sebagai serangan "9 eleven" di sini) mengubah segalanya.

Kini hampir tidak kedengaran langsung suara sumbang di Washington yang menggesa agar Dr Mahathir mengundurkan diri. Penahanan beberapa anggota kumpulan militan KMM di Malaysia hampir tidak langsung mendapat perhatian media dan secara senyap-senyap dianggap oleh pihak Pentadbiran sebagai keputusan bijak ekoran serangan terhadap World Trade Centre di New York dan Pentagon di Washington oleh penganas yang menggunakan pesawat yang dirampas itu.

Beberapa anggota parti pembangkang PAS, yang sehingga bulan lepas dialu-alukan di Washington, kini mendapati sukar untuk mendapatkan visa untuk memasuki Amerika Syarikat.

Sementara itu, Dr Mahathir kini dianggap sebagai suara sebuah negara Islam "sederhana" pada ketika Amerika Syarikat sedang membina kerjasama antarabangsa untuk membuat ekstremis Islam yang ganas keluar dari persembunyian.

Bush bercakap dengan Dr Mahathir melalui telefon pada 1 Okt dan kedua-duanya bertemu buat kali pertama semasa sidang kemuncak pemimpin Apec di Shanghai bulan lepas, dan pada pertemuan kira-kira 40 minit itu mereka telah membincangkan mengenai keganasan dan isu-isu lain.

Pertemuan itu dikatakan telah "mencairkan" hubungan "dingin" Amerika Syarikat-Malaysia. White House belum lagi secara rasmi mengeluarkan jemputan bagi Perdana Menteri melawat Washington tetapi kedua-dua belah pihak tidak menolak kemungkinan itu.

Pensyarah Pentadbiran Peniagaan Universiti Malaya Dr K S Jomo, yang berceramah pada persidangan mengenai Malaysia di sini pada Sabtu lepas berkata kedudukan Dr Mahathir boleh dikatakan semakin baik di Amerika Syarikat selepas serangan 11 Sept itu.

Bagaimanapun, Jomo menjangka wujud liku-liku dalam usaha menjadikan hubungan Amerika Syarikat-Malaysia kembali seperti sedia kala.

Seorang lagi penceramah, anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Azim Mohamad Zabidi berkata: "Dr Mahathir telah disalah faham di Amerika Syarikat dan Barat kerana beliau cenderung untuk menyatakan sesuatu dengan lantang dan terus terang. Untuk berlaku adil, kenyataan Dr Mahathir telah tidak membantu dalam merapatkan hubungan Amerika Syarikat-Malaysia."

Bagaimanapun, dua perkara nampaknya telah mengubah keadaan hubungan itu -- perubahan dalam pentadbiran Amerika Syarikat, dan tragedi 11 Sept.

Selepas serangan itu, Dr Mahathir telah pergi ke Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur untuk menandatangani buku takziah dan "retorik menentang Amerika Syarikat juga lenyap," kata Azim pada persidangan itu.

Hubungan Amerika Syarikat-Malaysia menjadi fokus pada persidangan satu setengah hari itu yang dianjurkan oleh universiti berprestij Universiti Johns Hopkins. Lebih 100 cendekiawan Washington, pemikir dan pegawai kanan Amerika Syarikat menghadiri persidangan itu, mungkin yang pertama seumpamanya di Amerika, sejak sekian lama.

Apa yang menarik mengenai perhimpunan itu ialah panel politik Malaysia terdiri daripada Umno, MCA, DAP dan Keadilan. Malangnya, PAS tidak hadir. Seorang wakil PAS yang dijemput gagal mendapatkan visa untuk memasuki Amerika Syarikat manakala seorang lagi tidak dapat datang kerana masalah keluarga.

Dialog mengenai perubahan dalam senario politik Malaysia antara anggota kumpulan yang berbeza pendapat itu berjalan dengan lancar dan terbuka. Mungkin buat kali pertama anggota parti pemerintah dan pembangkang duduk semeja untuk membincangkan secara terbuka pendapat mereka mengenai peralihan politik di negara itu dan hala tuju Malaysia.

Sementara idea mereka berbeza mengenai masa depan negara dan walaupun mereka saling mengkritik antara satu sama lain secara berjenaka, mereka kelihatan mempunyai sesuatu persamaan -- iaitu rasa kecintaan yang mendalam terhadap Malaysia dan mengenai perlunya perubahan dalam landskap politik untuk memenuhi pelbagai cabaran hari ini.

Naib Pengerusi kebangsaan DAP Lim Guan Eng berkata perdana menteri sebelum ini dianggap sebagai "ketinggalan," Dr Mahathir kini "semakin penting" dan serangan dahsyat 11 Sept ke atas Amerika Syarikat telah membantu memperkukuh kedudukan beliau.

Lim melahirkan kebimbangan bahawa hak asasi manusia dan demokrasi akan dipinggirkan ketika Malaysia berdepan dengan ketakutan akibat serangan pengganas di Amerika dan di tempat lain.

Khairy Jamaluddin, seorang anggota Exco Pemuda Umno yang menganggap dirinya sebagai salah seorang reformis dalam Umno, menyatakan usaha semasa oleh parti itu bagi berubah dapat dilihat dengan penubuhan Puteri Umno, penyingkiran "kekotoran" dari parti dan peningkatan interaksi dengan masyarakat.

Beliau menyatakan bahawa perubahan, walaupun tidak mustahil dalam parti konversatif, tidak dapat dilakukan dengan sekelip mata kerana banyak anggota parti berpegang teguh kepada cita-cita perjuangan parti mereka dan banyak anggota percaya "hak Melayu adalah sesuatu yang sudah terpahat."

Sementara itu, Ti Lian Ker, anggota Dewan Undangan Negeri Pahang daripada MCA menggesa Umno melakukan transformasi diri dengan memperjuangkan isu popular yang merentasi bangsa, agama dan budaya.

Untuk mengekalkan kuasanya, Umno tidak patut mengikuti cara PAS dengan memperjuangkan agenda Islam atau meneruskan agenda Melayunya, yang kini sudah mencapai kematangan. Sebaliknya, Umno perlu memupuk pasaran politik baru berdasarkan isu lebih meluas yang menarik minat semua rakyat Malaysia, kata Ti.

Anggota panel kemudiannya memberikan pandangan Malaysia terhadap tindak balas Amerika Syarikat terhadap serangan 11 Sept, Sementara para penceramah bersimpati dengan Amerika berhubung serangan itu, namun kesemuanya

bersependapat bahawa pengeboman ke atas Afghanistan adalah tindakan yang tidak sesuai.

Mereka bersepakat bahawa Amerika Syarikat perlu mendekati rakyat di dunia Islam daripada melindungi pemimpin yang rasuah dan menindas. Amerika juga perlu mencari punca kemarahan umat Islam dan mengkaji semula dasar luarnya yang tidak popular mengenai Palestin, Iraq dan Arab Saudi.

Seorang peserta berkata beliau kagum dengan kepetahan dan ulasan bijak yang dibuat oleh penceramah Malaysia dan "amat kagum" dengan kebolehan mereka memperkatakan dengan petah mengenai isu yang amat kompleks itu.

Dr Bridget Welsh, tenaga utama pihak penganjur persidangan itu, menyatakan bahawa seorang peserta memberitahu beliau bahawa ada "harapan bagi Malaysia" jika inilah barisan pemimpin muda yang sedang dilahirkan di negara itu.

Welsh merancang untuk menganjurkan seminar serupa mengenai Malaysia di Johns Hopkins setiap dua tahun dengan harapan untuk menjalin persefahaman lebih baik dan memperkukuh lagi hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

SH RYN RHM